



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**INDEKS JUALAN RUNCIT  
DAN  
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN  
SUKU TAHUN PERTAMA 2024**

*RETAIL SALES INDEX  
AND  
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
FIRST QUARTER 2024*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam



## **SIARAN MEDIA**

### **JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

#### **INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN SUKU TAHUN PERTAMA 2024**

#### **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Prestasi Jualan Runcit Mencatatkan Peningkatan Pada Suku Tahun Pertama 2024**

1. Pada suku tahun pertama (Q1) 2024, jualan runcit telah mencatatkan peningkatan sebanyak 3.0 peratus berbanding Q1 2023, dengan hasil jualan meningkat daripada BND434.7 juta kepada BND447.6 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 5.9 peratus berbanding Q1 2023, yang menunjukkan peningkatan permintaan domestik.
2. Peningkatan hasil jualan runcit adalah didorong terutamanya oleh peningkatan jualan Peralatan Perabot dan Rumah sebanyak 15.4 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus sebanyak 15.3 peratus; jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus sebanyak 10.2 peratus; jualan di Stesen Minyak sebanyak 4.1 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 2.9 peratus.
3. Berbanding dengan suku tahun keempat (Q4) 2023, nilai dan volum jualan runcit pada suku tahun pertama (Q1) 2024 juga telah mencatatkan peningkatan. Nilai jualan runcit telah meningkat sebanyak 0.8 peratus didorong terutamanya oleh peningkatan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 22.8 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus sebanyak 13.0 peratus; jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 5.9 peratus; jualan di Stesen Minyak sebanyak 3.4 peratus; dan jualan di Pasaraya sebanyak 2.2 peratus.

4. Bagi prestasi jualan perkhidmatan makanan dan minuman, ianya telah menurun sebanyak 2.2 peratus berbanding Q1 2023, dengan hasil jualan menurun daripada BND110.1 juta kepada BND107.7 juta. Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 2.8 peratus berbanding Q1 2023, yang menunjukkan penurunan permintaan domestik.
5. Penurunan hasil jualan makanan dan minuman adalah disebabkan oleh penurunan hasil jualan bagi Restoran sebanyak 4.6 peratus; dan Kedai Makanan Segera sebanyak 3.4 peratus.
6. Berbanding dengan suku tahun keempat (Q4) 2023, nilai dan volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman pada suku tahun pertama (Q1) 2024 telah mencatatkan penurunan. Nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah menurun sebanyak 4.8 peratus pada suku tahun pertama (Q1) 2024 yang didorong oleh penurunan hasil jualan bagi Aktiviti Perkhidmatan Katering sebanyak 9.4 peratus; Restoran sebanyak 5.4 peratus; Kedai Makanan Segera sebanyak 4.0 peratus; dan Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan sebanyak 1.3 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



**MEDIA RELEASE**

**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX  
FIRST QUARTER 2024**

**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Retail Sales Performance Recorded an Increase in First Quarter 2024**

1. *In the first quarter (Q1) 2024, retail sales recorded an increase of 3.0 per cent compared to Q1 2023, with sales revenue increasing from BND434.7 million to BND447.6 million. In terms of volume, retail sales activity also recorded a positive growth of 5.9 per cent compared to Q1 2023, indicating a rise in domestic demand.*
2. *The increase in sales revenue of retail sales was mainly attributed to the increase in sales of Furniture and Household Equipment by 15.4 per cent, followed by sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores by 15.3 per cent; sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores by 10.2 per cent; sales at Petrol Station by 4.1 per cent; and sales at Department Store by 2.9 per cent.*
3. *Compared to the fourth quarter (Q4) of 2023, the retail sales value and volume in Q1 2024 also increased. The retail sales value increased by 0.8 per cent, driven mainly by increases in the sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 22.8 per cent, followed by sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores by 13.0 per cent; sales at Department Store by 5.9 per cent; sales at Petrol Station by 3.4 per cent; sales at Supermarket by 2.2 per cent.*

4. *As for sales of food and beverage services, a decrease of 2.2 per cent was recorded compared to Q1 2023, with sales revenue decreasing from BND110.1 million to BND107.7 million. In terms of volume, food and beverages activity also recorded a negative growth of 2.8 per cent compared to Q1 2023 indicating a decrease in domestic demand.*
5. *The decrease in sales revenue of food and beverage was attributed to the decline in sales revenue of Restaurants by 4.6 per cent; and Fast-Food Outlets by 3.4 per cent.*
6. *Compared to Q4 2023, the sales value and volume of food and beverage services in Q1 2024 have decreased. The sales value of food and beverage services decreased by 4.8 per cent in Q1 2024 due to decreases in sales revenue of Catering Service Activities by 9.4 per cent; Restaurants by 5.4 per cent; Fast-Food Outlets by 4.0 per cent; and Other Food Service Activities by 1.3 per cent.*
7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provide an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*